



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

KETETAPAN UMUM NO. 5/2004

TARIKH KELUARAN: 30 Disember 2004



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretatasi	1
3. Definisi Penyelidikan	2
4. Aktiviti penyelidikan dalam sektor selain daripada teknologi maklumat & perisian	2
5. Aktiviti penyelidikan dalam teknologi maklumat & perisian	3
6. Aktiviti bukan penyelidikan dalam sektor selain daripada teknologi maklumat & perisian	5
7. Aktiviti bukan penyelidikan dalam teknologi maklumat dan perisian	6
8. Aktiviti-aktiviti umum yang bukan penyelidikan	7
9. Kriteria bagi mendapatkan kelayakan untuk projek/aktiviti penyelidikan	8
10. Perbelanjaan penyelidikan yang layak mendapat potongan dua kali	8
11. Perbelanjaan-perbelanjaan lain	12
12. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek/aktiviti penyelidikan	13
13. Tuntutan potongan dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan	14
14. Tempoh bagi projek penyelidikan	14
15. Tempoh kelulusan bagi projek yang berterusan	15
16. Projek terbengkalai	16
17. Amaun yang dituntut dalam pengiraan cukai	16
18. Penyimpanan rekod yang mencukupi	16
19. Rayuan	16
20. Denda kerana memberi maklumat yang tidak betul	16
21. Tarikh kuatkuasa	17



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

1. Ketetapan ini menjelaskan:
 - 1.1 aktiviti-aktiviti tertentu yang layak dianggap sebagai penyelidikan;
 - 1.2 perbelanjaan yang layak mendapat potongan dua kali; dan
 - 1.3 prosedur umum bagi permohonan untuk mendapatkan insentif potongan dua kali berhubung dengan perbelanjaan penyelidikan.
2. Peruntukan berkaitan adalah seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967 (*Akta*).
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud seperti berikut:
 - 3.1 “Helaian masa” bermaksud satu rekod berhubung dengan masa sebenar yang diambil bagi menjalankan sesuatu projek penyelidikan tertentu oleh seseorang pekerja yang tidak terlibat dalam kerja penyelidikan secara sepenuh masa.
 - 3.2 “Penyelidikan dalaman” bermaksud penyelidikan yang dijalankan di Malaysia oleh seseorang di dalam perniagaannya dengan tujuan untuk menggunakan hasil penyelidikan tersebut bagi memajukan perniagaannya.
 - 3.3 “Sains” adalah kajian sistematik ke atas alam semulajadi dan tabiat ke atas bahan dan alam semesta fizikal, dan “teknologi” adalah aplikasi sains secara praktikal terutamanya dalam bidang industri dan perdagangan. Proses di mana maklumat baru saintifik dan teknologi ditemui, dikumpulkan dan digunakan, yang melibatkan ramalan secara teori, pemerhatian, eksperimen, ukuran dan kesimpulan adalah dikenali sebagai penyelidikan.
 - 3.4 “Teknologi baru” berhubung dengan teknologi maklumat bermaksud keupayaan baru yang dicapai melalui penyelidikan, tidak termasuk pembelian hak atau lesen.
4. Hanya perbelanjaan hasil ke atas penyelidikan yang dilakukan secara langsung oleh seorang pemastautin Malaysia sahaja yang layak untuk dituntut sebagai potongan dua kali. Perbelanjaan tersebut hendaklah dilakukan khusus dalam menjalankan penyelidikan dalaman oleh orang tersebut berhubung dengan perniagaannya. Penyelidikan itu perlu diluluskan oleh Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan telah menurunkan kuasa ini kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).
5. Di dalam kes di mana penyelidikan saintifik tidak memenuhi syarat bagi mendapatkan kelulusan KPHDN di bawah seksyen 34A Akta, tuntutan perbelanjaan bagi penyelidikan saintifik tersebut boleh diberi pertimbangan di bawah subseksyen 34(7) Akta. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi mendapat potongan di bawah subseksyen ini adalah seperti berikut:



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

- (i) perbelanjaan ke atas penyelidikan tersebut mesti berjenis hasil; dan
- (ii) penyelidikan dilakukan oleh tuannya perniagaan sendiri atau bagi pihaknya.

6. Definisi Penyelidikan

6.1 Bagi maksud Ketetapan ini, KPHDN telah terima pakai definisi-definisi ini:

6.1.1 *Definisi penyelidikan secara umum*

“Penyelidikan” bermaksud apa-apa kajian sistematik atau kajian intensif yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi di mana tujuannya adalah untuk menggunakan hasil kajian tersebut dalam pengeluaran atau perbaikan pada bahan, peranti, keluaran, hasil atau proses.

6.1.2 *Definisi penyelidikan bagi Teknologi Maklumat & Perisian*

“Penyelidikan dalam teknologi maklumat dan perisian” meliputi mana-mana aktiviti penyelidikan yang melibatkan pembangunan teknologi baru dan kemajuan teknologi sedia ada melalui penggabungan unsur-unsur baru yang melibatkan atau dijangka dapat menghasilkan beberapa kemajuan dalam produk, proses, peranti, perkhidmatan, pengetahuan, atau kefahaman berhubung dengan teknologi maklumat dan komponen-komponennya (perkakasan, perisian dsbnya.).

7. Aktiviti penyelidikan dalam sektor selain daripada teknologi maklumat & perisian

Aktiviti berikut dimasukkan sebagai aktiviti penyelidikan:

- 7.1 eksperimen atau kerja-kerja lain yang bertujuan untuk memperolehi penemuan pengetahuan baru atau memajukan pengetahuan sedia ada;
- 7.2 mencari cara aplikasi bagi penemuan penyelidikan atau pengetahuan lain;
- 7.3 penyelidikan merekacipta kaedah ujian baru (tidak termasuk ujian rutin dan piawaian);
- 7.4 perumusan dan rekabentuk bagi kebarangkalian produk baru, atau perbaikan ke atas produk sedia ada atau proses alternatif;
- 7.5 rekabentuk, pembinaan dan ujian prototaip dan model;

Contoh 1

Prototaip adalah suatu model asal yang dibina dengan mempunyai ciri-ciri teknikal bagi produk baru yang dijangkakan. Rekabentuk, pembinaan dan ujian ke atas prototaip ini digolongkan sebagai aktiviti penyelidikan. Sebaik sahaja modifikasi (yang perlu bagi menunjukkan penemuan ujian) dan ujian lanjutan terhadap



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

prototaip tersebut selesai dilaksanakan dengan memuaskan, fasa penyelidikan dianggap tamat.

- 7.6 rekabentuk, pembinaan dan operasi sebuah loji perintis yang mana saiznya tidak mempunyai kebolehlaksanaan ekonomi bagi tujuan pengeluaran komersial;
- 7.7 rekabentuk dan pembinaan sebuah loji perintis sebelum peringkat pengeluaran secara komersial;

Contoh 2

Sebuah loji perintis merupakan sebahagian daripada fasa penyelidikan selama mana ianya digunakan untuk menilai hipotesis, membangunkan formula produk baru, mewujudkan spesifikasi produk baru, merekabentuk peralatan dan struktur khusus dan menyediakan arahan operasi atau manual ke atas proses. Sebaik sahaja fasa eksperimen ini selesai, sebuah loji perintis mungkin mula beroperasi sebagai satu unit pengeluaran komersial, di mana pada ketika ini ianya bukan lagi merupakan satu aktiviti penyelidikan; dan

- 7.8 rekabentuk alat, jig, acuan dan dai yang melibatkan teknologi baru.

[Aktiviti penyelidikan di atas hendaklah mempunyai tujuan untuk menggunakan hasil kajian itu bagi pengeluaran atau perbaikan pada bahan, peranti, keluaran, hasil atau proses.]

8. Aktiviti penyelidikan dalam teknologi maklumat & perisian

8.1 Penyelidikan dalam teknologi maklumat dan perisian termasuk:

- (i) lingkungan aktiviti-aktiviti penyelidikan daripada peringkat konsep sehingga ke peringkat “pembuktian konsep” bagi projek tersebut;
- (ii) penyelidikan perisian, yang mungkin meliputi rekabentuk perisian, metodologi, sistem komputer- misalnya, bahasa komputer, *compiler*, sistem operasi dan algorithma; atau
- (iii) pembangunan atau kegunaan perisian dalam suatu projek penyelidikan yang lebih besar.

8.2 Liputan perisian penyelidikan termasuk:

- (i) *Sains Komputer Secara Teori*
Pada umumnya, kemajuan teknologi atau saintifik dalam bidang ini akan menghasilkan teorem dan algorithma baru.
- (ii) *Sistem Pemoperasian*
Kemajuan teknologi terdiri daripada -
 - a. suatu penambahbaikan teknologi dalam bidang sumber dan pengurusan yang saling berhubungkait;

- b. suatu sistem pemoperasian baru; atau
- c. penukaran suatu sistem pemoperasian kepada suatu persekitaran perkakasan yang ketara berbeza.

[Contoh-contoh sistem operasi yang ada di pasaran adalah: Linux, Windows, Oracle and Unix].

(iii) *Bahasa Pengaturcaraan*

Kemajuan teknologi termasuk:

- a. bahasa baru;
- b. peluasan signifikan kepada bahasa yang sedia ada; dan
- c. terjemahan bahasa baru atau terjemah bahasa yang ketara berbeza.

[Contoh-contoh bahasa pengaturcaraan yang ada di pasaran adalah: C++, COBOL, PASCAL, Visual Basic dan JAVA].

(iv) *Aplikasi*

Kemajuan teknologi mungkin berlaku apabila suatu pembangunan teknologi itu menunjukkan satu kemajuan yang signifikan (sebagai contoh, dibangunkan kombinasi baru bagi komponen aturcara komputer yang telah mampan atau dibangunkan kombinasi prinsip aturcara yang telah diketahui), dengan syarat integrasi ini memerlukan resolusi bagi ketidakpastian teknologi.

(v) *Pengurusan Data*

Kemajuan teknologi termasuk membangunkan:

- a. algorithma bagi mencapai secara signifikan operasi asas yang lebih baik (sebagai contoh, mendapatkan kembali data);
- b. bahasa pertanyaan baru atau menaik taraf bahasa pertanyaan sedia ada bagi pengkalan data supaya ia boleh meningkatkan kuasa carian atau keupayaan manipulasi dengan ketara; dan
- c. gambaran objek baru atau data struktur baru.

Peningkatan ketara dalam perenggan b. di atas bermaksud peningkatan ketara daripada segi masa tindakbalas, kecekapan, fleksibiliti, ketepatan data atau penambahan bahasa arahan pertanyaan.

(vi) *Kejuruteraan Perisian*

Kemajuan dalam methodologi yang diperlukan untuk membina aturcara komputer yang lebih baik daripada segi fleksibiliti, kecekapan, kebolehpercayaan serta boleh diselenggarakan dengan mudah.

(vii) *Kepintaran Tiruan (KT)*

Kemajuan sains dan teknologi yang dilakukan dalam domain tersebut seperti versi mesin, robot, gangguan, gambaran pengetahuan, sistem kepakaran,

pembuktian teorem, kefahaman bahasa biasa, terjemahan bahasa secara automatik, program logik dan sistem generasi masa depan. Kebanyakan bidang

KT masih belum mempunyai amalan yang kukuh; walau bagaimanapun, percubaan untuk menyelesaikan ketidakpastian teknologi perlu ditunjukkan sebagai satu asas bagi membuktikan kelayakan terhadap sesuatu perbelanjaan itu. Seringkali, dalam bidang ini, kehadiran mana-mana penyelesaian akan menunjukkan ketidakpastian ini.

9. Aktiviti bukan penyelidikan dalam sektor selain daripada teknologi maklumat & perisian

Terdapat aktiviti-aktiviti yang mungkin berkaitan rapat dengan penyelidikan tetapi ianya bukan penyelidikan. Berikut adalah contoh-contoh aktiviti -aktiviti bukan penyelidikan:

- 9.1 aktiviti yang melibatkan perubahan dalam nilai estetik seperti rupa bentuk, perancangan warna atau kerja seni bagi mempromosikan jualan produk;
- 9.2 kerja pra-pengeluaran sebelum berlakunya pengeluaran komersial;
- 9.3 pembangunan rutin bagi produk, proses atau perkhidmatan, yang tidak membabitkan suatu pembaharuan teknologi ataupun kemajuan saintifik yang signifikan;

Contoh 3

Analisis dan ujian yang dibuat secara rutin dengan cara mendedahkan sesuatu produk kepada berbagai situasi bagi menyesuaikan dengan persekitaran tempatan. (Contohnya, produk boleh diperolehi dari luar negara tetapi tujuan kesudahannya adalah untuk menghasilkan dan memasarkan produk tersebut di dalam negara).

- 9.4 program kerja sistematik yang rutin untuk mengemaskini produk, proses atau perkhidmatan yang sedia ada melalui aplikasi atau pengenalan teknik atau peralatan yang telah mantap;
- 9.5 aturan langkah-langkah susulan bagi menjayakan aktiviti dalam fasa awal pengeluaran komersial;
- 9.6 kawalan kualiti semasa pengeluaran komersial, termasuk ujian rutin ke atas produk atau proses;
- 9.7 penyelesaian kepada masalah berkaitan dengan kerosakan semasa pengeluaran komersial;
- 9.8 usaha rutin untuk menghalusi, memperkayakan atau menambahbaikkan kualiti produk atau proses sedia ada;



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

Contoh 4

Proses mengklorinkan air dan menyalurkannya melalui sistem penyulingan biasa bagi memperkayakan/mempertingkatkan kualiti air yang digunakan dalam pengeluaran ubat gigi.

- 9.9 penyesuaian ke atas keupayaan yang sedia ada untuk sesuatu keperluan tertentu atau untuk memenuhi kehendak pelanggan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti komersial yang berterusan;
- 9.10 perubahan bermusim atau perubahan berkala lain yang dilakukan ke atas rekaan bentuk produk atau proses yang sedia ada;
- 9.11 rekaan bentuk alat, jig, acuan dan dai yang dilakukan secara rutin;

Contoh 5

Membuat reka bentuk dan lukisan bagi penyediaan, pelaksanaan dan penyelenggaraan piawaian pengeluaran (seperti jig dan alat) bukannya aktiviti penyelidikan.

- 9.12 analisis ujian sama ada ke atas peralatan atau produk, atau analisis ujian ke atas kesesuaian bahan-bahan bagi tujuan mengawal kualiti atau kuantiti;
 - 9.13 aktiviti-aktiviti, termasuk rekaan bentuk dan kejuruteraan pembinaan, yang berhubungkait dengan pembinaan, penempatan semula, penyusunan semula, atau permulaan membangunkan kemudahan atau peralatan, selain daripada kemudahan atau peralatan yang digunakan semata-mata untuk sesuatu projek penyelidikan tertentu;
 - 9.14 aktiviti-aktiviti yang hanya melibatkan ujian produk bagi memastikan yang sifat-sifatnya akur dan memenuhi piawaian yang ditetapkan bagi tujuan pendaftaran wajib produk tersebut, sebagai mana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang di Malaysia (seperti untuk produk kimia, pertanian dan produk farmasi); dan
 - 9.15 kerja-kerja guaman dan pentadbiran yang berkaitan dengan permohonan paten, rekod dan litigasi dan penjualan atau pelesenan paten.
- 10. Aktiviti bukan penyelidikan dalam teknologi maklumat dan perisian**

Aktiviti-aktiviti bukan penyelidikan dalam teknologi maklumat dan perisian adalah:

- 10.1 membangunkan produk dengan menggunakan teknologi maklumat dan komponen-komponennya dan mengkomersialkan keluaran tersebut;
- 10.2 pengaturcaraan komputer yang rutin, penyelenggaraan sistem, aplikasi perisian atau penambahbaikan kepada sistem aplikasi yang sedia ada; dan
- 10.3 aktiviti berkaitan perisian seperti:



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

- (i) sistem sokongan sedia ada;
- (ii) penukaran dan/ atau penterjemahan bahasa komputer;
- (iii) menambah fungsi pengguna kepada aplikasi atur cara;
- (iv) sistem 'debugging' ;
- (v) penyesuaian ke atas perisian yang sedia ada; dan
- (vi) penyediaan dokumen pengguna.

Contoh 6

Penyesuaian atau aplikasi perisian yang sedia ada, seperti Lotus Smartsuite atau Microsoft Office, di dalam membangunkan sistem inventori-stok atau sistem sokongan pengurusan.

Contoh 7

Pembangunan suatu sistem perisian seperti sistem perbankan atau pengurusan berasaskan keperluan pelanggan dengan menggunakan aplikasi perisian yang diketahui dan tanpa apa-apa penemuan teknologi baru.

11. Aktiviti-aktiviti umum yang bukan penyelidikan

Penyelidikan mesti dibezakan daripada aktiviti-aktiviti berkaitan yang luas. Berikut adalah contoh-contoh aktiviti-aktiviti yang bukan bersifat penyelidikan:

- 11.1 pembelajaran umum dan latihan;
- 11.2 perkhidmatan maklumat saintifik dan teknikal;
- 11.3 pengumpulan data untuk tujuan umum atau banciaan kecekepan;
- 11.4 kajian pasaran dan penilaian;
- 11.5 kalibrasi piawaian dan ujian rutin serta analisa bahan, komponen, produk dan proses;
- 11.6 penyelenggaraan rutin ke atas komputer atau pembangunan perisian;
- 11.7 mendirikan rangkaian perkilangan atau peralatan;
- 11.8 analisis atau ujikaji tanah/baja;
- 11.9 fabrikasi atau pengubahsuaian jentera/peralatan; dan
- 11.10 aktiviti-aktiviti umum perdagangan tidak dianggap sebagai penyelidikan. Ini termasuk:
 - (i) rangkuman langkah-langkah perdagangan dan kewangan yang perlu bagi inovasi dan pembangunan serta pemasaran produk baru, proses atau perkhidmatan seperti perancangan perniagaan, analisis keuntungan dan kos, kajian pengurusan atau polisi;



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

- (ii) pengeluaran dan pengagihan barangan dan perkhidmatan;
- (iii) perkhidmatan pentadbiran dan sokongan lain (seperti kesetiausahaan, perkeranian, simpan kira atau keselamatan) tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti penyelidikan; dan
- (iv) perkhidmatan sokongan am (seperti pengangkutan, penyimpanan, penyelenggaraan, pembersihan, pembaikan dan penyenggaraan).

12. Kriteria bagi mendapatkan kelayakan untuk projek /aktiviti penyelidikan

Kriteria berikut mestilah dipenuhi bagi mendapatkan kelulusan untuk suatu projek/aktiviti penyelidikan:

- 12.1 projek/aktiviti penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang mestilah memenuhi definisi penyelidikan seperti mana dinyatakan di dalam perenggan di atas.
- 12.2 aktiviti penyelidikan mesti menjuruskan kepada penghasilan bahan, peranti, produk, proses, sistem atau perkhidmatan baru atau yang ketara lebih baik sebelum bermulanya pengeluaran atau kegunaan komersial.
- 12.3 aktiviti penyelidikan dapat dibezakan dengan cara melihat kepada jenisnya yang bukan rutin dan juga sesuatu yang baru yang diterbitkan. Jika berjaya, ia akan mewujudkan peluasan dalam kemajuan/pengetahuan saintifik atau teknikal (walaupun diiktiraf bahawa penyelidikan tidak akan selalunya berjaya).
- 12.4 bagi kes suatu projek pembangunan perisian, penyelesaiannya hendaklah bergantung kepada pembangunan sesuatu kemajuan saintifik dan/atau teknologi. Matlamat projek hendaklah menjurus kepada pengwujudan suatu resolusi terhadap suatu ketidakpastian saintifik atau teknologi berdasarkan asas yang sistematik.
- 12.5 penyelidikan yang dijalankan mestilah selaras dengan keperluan negara dan dapat memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia seperti latihan warganegara Malaysia untuk perpindahan teknologi dan pengendalian aktiviti-aktiviti penyelidikan di Malaysia.

13. Perbelanjaan penyelidikan yang layak mendapat potongan dua kali

Bagi melayakkan diri untuk mendapat potongan dua kali, perbelanjaan penyelidikan mestilah berjenis hasil dan dibelanjakan ke atas projek yang telah diluluskan. Perbelanjaan hendaklah dilakukan dalam tempoh asas tersebut. Akaun bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi setiap projek hendaklah disimpan secara berasingan.

Berikut adalah perbelanjaan yang layak mendapat potongan dua kali:

- 13.1 *Bahan mentah yang digunakan dalam penyelidikan*



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

- (i) Bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam satu projek penyelidikan tidak termasuk pembelian aset tetap yang digunakan dalam penyelidikan tersebut. Bagi setiap projek, nama, amaun dan kos bagi setiap bahan mentah yang digunakan mestilah disimpan berserta dengan maklumat mengenai kepentingannya dengan projek tersebut. Sekiranya bahan mentah diambil daripada stok, kos berkaitan hendaklah sesuatu yang boleh ditentukan secara berasingan dan mampu diukur dengan pasti.
- (ii) Kos acuan, dai dan alat-alat ringan (yang mempunyai hayatnya tidak melebihi setahun) mestilah yang tidak boleh digunakan semula. Acuan, dai, alat-alat ringan tersebut tidak boleh layak mendapat tuntutan elaun modal. Dalam kes di mana alat-alat digunakan semula untuk pengeluaran, kos berhubung dengan projek penyelidikan hendaklah dibahagi dengan membandingkan tempoh penggunaannya untuk membangunkan unit-unit prototaip dengan tempoh penggunaannya untuk pengeluaran unit-unit barangan keluaran tersebut.

[Kos bahan yang digunakan untuk pengeluaran atau digunakan bagi tujuan pentadbiran tidak layak mendapat potongan dua kali].

Bagi kes di mana acuan, dai dan alat-alat ringan yang digunakan untuk membangun prototaip dilakukan dalam satu tempoh asas dan alat-alat ini digunakan semula untuk pengeluaran unit-unit barangan dalam tempoh atau tempoh-tempoh asas yang berikutnya, tuntutan untuk mendapatkan potongan dua kali yang dibuat dalam tempoh asas pertama perlu disemak mengikut kesesuaian. Sekiranya semakan tersebut mengakibatkan cukai tambahan kena dibayar bagi tahun taksiran yang pertama, denda tidak akan dikenakan bagi kes-kes di mana tuntutan dibuat dengan niat baik.

13.2 *Tenaga manusia dalam projek penyelidikan*

- (i) Hanya perbelanjaan ke atas gaji pokok seorang pekerja yang terlibat secara langsung dalam projek penyelidikan (kakitangan penyelidikan) layak untuk mendapat potongan dua kali. Perbelanjaan seperti KWSP, SOCSO, bonus, perubatan, manfaat berupa barangan tidak layak untuk mendapat potongan dua kali. Sekiranya seseorang pekerja tidak terlibat dalam projek penyelidikan secara sepenuh masa, perbelanjaan yang dituntut hendaklah dibahagikan mengikut masa sebenar yang digunakan oleh pekerja itu bagi kerja-kerja penyelidikan. Asas pembahagian hendaklah disokong dengan menyimpan helaian masa.
- (ii) Gaji pekerja yang terlibat dalam penyelidikan yang menyertai kursus/seminar yang mempunyai berhubung kait secara langsung dengan projek penyelidikan itu boleh dipertimbangkan untuk mendapat potongan



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

dua kali [sila lihat perenggan 13.4(ii) berhubung dengan kos perjalanan untuk menghadiri kursus/seminar].

- (iii) Pekerja yang terlibat dalam penyelidikan adalah mereka yang memberi input teknikal, maklum balas, bimbingan atau arahan terhadap projek penyelidikan tersebut.

13.3 *Perkhidmatan teknikal*

13.3.1 Bayaran perkhidmatan teknikal berikut diambil kira:

- (i) Fi perunding yang dibayar kepada sesebuah organisasi penyelidikan atau seorang individu kerana mendapatkan maklumat/nasihat berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.
- (ii) Bayaran kepada organisasi tertentu kerana menggunakan peralatan ujian seperti yang terdapat di SIRIM, FRIM dan universiti.
- (iii) Bayaran kepada sesebuah organisasi tertentu atau seorang individu bagi perkhidmatan analisis dan penilaian pemprosesan data.

13.3.2 Sekiranya bayaran untuk perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia melebihi 70% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan, bayaran tersebut tidak layak mendapat potongan dua kali. Walau bagaimanapun, baki perbelanjaan yang dibenarkan itu layak untuk potongan dua kali (jika ianya adalah perbelanjaan biasa yang dibenarkan dan dilakukan dalam negeri seperti pembelian bahan mentah, tenaga manusia dan pengangkutan).

13.3.3 Perbelanjaan untuk perkhidmatan teknikal yang di perolehi dari luar negara dan dijalankan di Malaysia layak mendapat potongan dua kali.

13.3.4 Sekiranya bayaran dibuat kepada orang bukan pemastautin seperti di dalam kes di mana penyelidik asing/pakar runding asing digajikan, potongan dan bayaran bagi cukai pegangan, jika berkenaan, mestilah dibuat.

13.3.5 Maklumat hendaklah disimpan berkaitan dengan:



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

- (i) nama dan alamat penyelidik/pakar perunding/organisasi yang memberi perkhidmatan tersebut;
- (ii) tujuan dan kaitan perkhidmatan teknikal itu dalam projek tersebut; dan
- (iii) amaun yang dibayar.

13.4 Kos perjalanan

(i) Lawatan ke stesyen penyelidikan

Kos perjalanan yang dilakukan oleh kakitangan penyelidikan berkaitan dengan lawatan ke stesyen penyelidikan bagi tujuan semata-mata untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Perbelanjaan yang dibenarkan termasuk kos perjalanan dan elaun harian (termasuk kos makanan dan penginapan). Elaun harian dihadkan kepada RM400.00 sehari seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah.

(ii) Menghadiri kursus / seminar

Kos perjalanan dalam negeri atau luar negara oleh kakitangan penyelidikan berhubung dengan menghadiri kursus/seminar yang mempunyai kaitan dengan projek penyelidikan. Kursus dan seminar yang dihadiri mestilah semata-mata bertujuan untuk memperolehi maklumat saintifik terkini atau maklumat saintifik yang telah dikemaskini yang mempunyai kaitan secara langsung dengan projek yang dijalankan. Perbelanjaan yang dibenarkan termasuk kos perjalanan, elaun harian (termasuk kos makanan dan penginapan), yuran kursus dan fi seminar. Elaun harian dihadkan kepada RM400.00 sehari seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah.

[Perbelanjaan seperti kos perjalanan untuk melawat penjual, mesyuarat dengan pembekal / pelanggan, menghadiri pameran / pertunjukan, tinjauan pasaran dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan penyelidikan adalah tidak layak untuk mendapat potongan dua kali].

13.5 Kos pengangkutan

Kos pengangkutan bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam penyelidikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan seperti kos pengangkutan aset tetap, hasil produk, kos bayaran pos bagi tujuan pentadbiran atau lain-lain yang tidak berkaitan dengan penyelidikan adalah tidak layak untuk mendapat potongan dua kali. Dalam kes di mana penyelidikan menggunakan bahan mentah yang sama jenisnya seperti mana yang digunakan dalam pengeluaran produk yang sedia ada dan bahan mentah tersebut dibeli secara pukal dan penghantarannya dibuat pada masa yang berlainan dengan kos pengangkutan yang berlainan, kos pengangkutan untuk suatu tempoh asas hendaklah dibahagikan mengikut jumlah kuantiti bahan

mentah yang digunakan untuk penyelidikan dibahagikan dengan jumlah kuantiti bahan mentah yang beli dalam tempoh asas yang sama.

13.6 *Kos penyelenggaraan*

Kos penyelenggaraan kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan secara langsung dalam suatu projek penyelidikan layak mendapat potongan dua kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang tidak berkaitan secara langsung dengan penyelidikan tidak layak diberi potongan dua kali. Kos penyelenggaraan kenderaan yang digunakan oleh kakitangan penyelidikan/pakar perunding, perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas loji dan jentera (termasuk kos pemasangan), kelengkapan, tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja yang berbentuk kekal serta pengubahsuaian, tambahan atau sambungan kepada struktur asal adalah beberapa contoh perbelanjaan yang tidak berkaitan secara langsung dengan penyelidikan. Dengan itu, perbelanjaan-perbelanjaan ini tidak layak mendapat potongan dua kali.

13.7 *Sewa*

- (i) Sewa kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan secara langsung dalam projek penyelidikan layak mendapat potongan dua kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan penyelidikan tidak dibenarkan potongan dua kali. Perbelanjaan seperti sewa premis bagi tujuan pentadbiran, sewa kenderaan (termasuk petrol, insurans dan cukai jalan) untuk kakitangan/pakar runding penyelidikan dan sewa jentera untuk pengeluaran bukannya perbelanjaan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan penyelidikan dan dengan itu tidak layak diberi potongan dua kali.
- (ii) Dalam kes di mana bangunan atau jentera digunakan juga untuk tujuan selain daripada penyelidikan, pembahagian perbelanjaan hendaklah dibuat berasaskan kegunaan yang berkaitan dengan penyelidikan, sebagai contoh ruang yang digunakan untuk penyelidikan atau dengan mengambil kira tempoh penggunaan jentera untuk membangunkan unit prototaip berbanding dengan tempoh penggunaan untuk aktiviti bukan penyelidikan.

14. **Perbelanjaan-perbelanjaan lain**

- 14.1 Tuntutan bagi potongan dua kali boleh dibuat ke atas perbelanjaan hasil yang lain yang dilakukan secara langsung untuk penyelidikan seperti air, elektrik, telefon, faks, kourier, alat tulis, memfotostat laporan penyelidikan atau membuat reka bentuk skema, dakwat/pewarna yang digunakan untuk mencetak laporan, baju makmal dan slaid atau fotograf. Perbelanjaan lain seperti buku atau majalah,



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

insurans dan semua cukai seperti cukai perkhidmatan atau cukai jalan tidak layak mendapat potongan dua kali.

- 14.2 Maklumat terperinci ke atas jenis-jenis perbelanjaan ini serta kaitannya dengan projek penyelidikan hendaklah disimpan. Dalam kes di mana tiada meter air dan elektrik dipasang secara berasingan bagi penyelidikan, pembahagian perbelanjaan mestilah dibuat berasaskan peratusan kegunaan untuk penyelidikan.

[Perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas loji dan jentera, kelengkapan, tanah, premis, struktur atau kerja-kerja yang berbentuk kekal (termasuk pemasangannya) atau pengubahsuaian, tambahan atau sambungan kepada struktur asal atau perbelanjaan dalam pemerolehan hak ke dalam atau ke atas mana-mana harta (termasuk royalti) tidak layak mendapat potongan dua kali.

15. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek/aktiviti penyelidikan

15.1 *Pemberian kelulusan*

Mulai tahun taksiran 2005, KPHDN hanya akan memberi kelulusan terhadap sesuatu projek penyelidikan. Kelulusan tidak lagi meliputi perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan. Amalan ini berbeza dengan amalan tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya di mana kelulusan diberi bukan sahaja kepada sesuatu projek penyelidikan tetapi juga terhadap perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan.

15.2 *Borang permohonan*

Permohonan oleh seseorang untuk mendapatkan kelulusan bagi suatu projek penyelidikan hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran dalam borang permohonan Borang 1 (Sek 34A ACP 1967). Permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan yang berkenaan kepada Bahagian Teknikal, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dalam tempoh enam (6) bulan **sebelum** akhir tahun kewangan perniagaan. Pemohon dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan dan mengemukakan maklumat dengan betul seperti mana yang dikehendaki di dalam borang tersebut. Permohonan yang lewat akan dipertimbangkan mengikut asas setiap kes. KPHDN akan mengeluarkan surat kelulusan atau penolakan, mengikut mana yang berkaitan, kepada pemohon. Kelulusan yang diberi adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan dalam surat tersebut.

15.3 *Projek baru penyelidikan*



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2004**

